

# 'Letupan besar' pakatan pembangkang - Khairy

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

**REMAU** 24 Mac - Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin (**gambar**) memramalkan pakatan pembangkang - DAP, Pas dan Keadilan - bakal berhadapan satu 'letupan besar' kerana gagal mencapai kata sepakat dalam menentukan pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, perkara itu nyata merugikan mereka dan ia sekali gus membuka peluang lebih besar kepada Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya tersebut.

"Ramalan saya sebagai penganalisis politik, kita akan melihat satu keadaan DAP akan bertembung dengan Keadilan dan Pas. Sebabnya, pengagihan kerusi mereka masih belum ditentukan dan mereka pun tak tahu di mana hendak meletakkan pemimpin mereka.

"Sama ada di kawasan Melayu atau kawasan bercampur atau kawasan yang ramai penduduk Cina dan sebagainya. Ini akan menyebabkan berlakunya satu 'letupan be-

sar' dalam pakatan pembangkang. Ini akan merugikan peluang mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat projek Ladang Jagung di Titian Akar, di sini hari ini.

Ditanya percakaran kecil membabitkan dua parti komponen BN - Gerakan dan Parti Progresif Penduduk (PPP) - akan dibangkitkan oleh pakatan pembangkang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap, Melaka, beliau berkata:

"Saya rasa pembangkang akan cuba menekankan beberapa isu seperti percakaran kecil dalam BN, tetapi saya ada dua perkara hendak disebut. Percakaran itu sudah diselesaikan dengan baik selepas campur tangan Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Bagi saya di peringkat Pemuda UMNO, apa yang dilihat tidak berlaku pertelingkahan. Tetapi kami Pemuda BN sentiasa mantap dari segi hubungan, baik UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PPP dan sebagainya."

Menurut beliau, perkara kedua ialah pembangkang sebenarnya cuba menutup kelemahan mereka sendiri dengan menum-

pukan masalah yang berlaku dalam BN.

"Saya hendak beritahu, dalam pembangkang sendiri pun mereka ada masalah. Kita tahu DAP akan meletakkan calon bertanding di pilihan raya kecil DUN Machap. Pengumuman itu telah dibuat oleh pemimpin mereka.

"Tetapi parti Keadilan juga telah membuat pengumuman bahawa mereka sanggup beri laluan kepada DAP bertanding di pilihan raya kecil DUN Machap dengan syarat kerusi berkenaan diberikan kepada mereka apabila pilihan raya umum akan datang," ujar beliau.

Kata Khairy, apa yang berlaku itu menunjukkan pembangkang tiada kata sepakat dan untuk menutup kelemahan pakatan DAP, Pas dan Keadilan itu, mereka melancarkan serangan kepada BN.

"Saya nampak perkara ini sedang berlaku kerana DAP melihat kedudukan mereka mula tergugat kerana sebelum ini DAP cuba untuk memberi imej yang mereka merupakan parti berbilang kaum sebab mereka tidak suka dilabelkan sebagai parti mewakili orang Cina.

"Kemunculan Keadilan pula telah mendedak DAP supaya lebih banyak kerusi diberikan kepada mereka untuk bertanding di kawasan bercampur (penduduk berbilang kaum) dan apabila Keadilan berbuat demikian, DAP mula marah dan mempersoalkan mengapa Keadilan mahu-kan kawasan mereka," jelas beliau.

Sementara itu, katanya, Pemuda UMNO sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya kecil DUN Machap, khususnya di kawasan majoriti pengundinya adalah orang Melayu termasuk di tiga kawasan Felda.

"Kita akan melakukan kempen secara sederhana kerana mahu memastikan bahawa kemenangan adalah yang terbaik dengan majoriti lebih besar, mungkin lebih daripada dahulu, katanya.

